

Amalan Pengajaran Guru Dalam Melaksanakan Pendekatan Projek Di Tadika Swasta

(Teachers' Teaching Practices in the Project Approach at Private Preschools)

Nurul Afira Indera Luthfi^{1*}, Suziyani Mohamed¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p138027@siswa.ukm.edu.my

Received: 27 September 2025 | Accepted: 6 November 2025 | Published: 1 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2025.7.4.1>

Abstrak: Pendekatan projek dalam pendidikan awal kanak-kanak semakin mendapat perhatian kerana mampu mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berpusatkan murid, kreatif dan bermakna. Namun begitu, keberkesanan pendekatan ini sangat bergantung pada amalan pengajaran guru yang menjadi pelaksana utama di bilik darjah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta dengan menumpukan kepada tiga dimensi utama iaitu kualiti pengajaran, pengurusan masa dan pengurusan pembelajaran terbeza. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif dengan instrumen soal selidik melibatkan 104 orang guru tadika swasta di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Data dianalisis secara deskriptif bagi menilai tahap amalan guru dalam pelaksanaan pendekatan projek. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan, amalan pengajaran guru berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.3986$; $\text{SP} = 0.55531$). Antara tiga dimensi yang dikaji, kualiti pengajaran mencatatkan skor min tertinggi (3.50 ; $\text{SP} = 0.53118$) pada tahap tinggi, menandakan keupayaan guru menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan aktif. Walau bagaimanapun, dimensi pengurusan masa ($\text{min} = 3.4306$; $\text{SP} = 0.62829$) dan pengurusan pembelajaran terbeza ($\text{min} = 3.2768$; $\text{SP} = 0.67166$) hanya berada pada tahap sederhana, menggambarkan cabaran yang dihadapi guru dalam menyusun masa pengajaran secara optimum serta menyesuaikan strategi pengajaran mengikut perbezaan individu kanak-kanak. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa meskipun guru mempunyai kekuatan dari aspek kualiti pengajaran, masih terdapat keperluan untuk intervensi dan latihan tambahan khususnya dalam pengurusan masa dan pembelajaran terbeza. Implikasi kajian ini mencadangkan agar pihak tadika, pentadbir dan pembuat dasar menyediakan sokongan, garis panduan serta latihan profesional yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan keupayaan guru melaksanakan pendekatan projek dengan lebih holistik dan berkesan.

Kata Kunci: Pendekatan Projek; Guru Prasekolah; Tadika Swasta; Amalan Pengajaran

Abstract: The project approach in early childhood education has been gaining increasing attention as it fosters student-centred, creative, and meaningful learning experiences. However, the effectiveness of this approach largely depends on teachers' instructional practices as the main implementers in the classroom. This study aims to examine preschool teachers' teaching practices in the implementation of the project approach in private kindergartens, focusing on three main dimensions: teaching quality, time management, and differentiated instruction management. A quantitative survey design was employed using a

questionnaire administered to 104 preschool teachers in private kindergartens across Selangor, the Federal Territory of Kuala Lumpur, and Putrajaya. Descriptive analysis was conducted to evaluate the level of teachers' practices in implementing the project approach. The findings revealed that overall, teachers' teaching practices were at a moderate level ($M = 3.3986$; $SD = 0.55531$). Among the three dimensions, teaching quality recorded the highest mean score ($M = 3.50$; $SD = 0.53118$) at a high level, reflecting teachers' ability to design and implement meaningful and active learning experiences for children. However, time management ($M = 3.4306$; $SD = 0.62829$) and differentiated instruction management ($M = 3.2768$; $SD = 0.67166$) were only at moderate levels, indicating challenges faced by teachers in optimizing instructional time and tailoring teaching strategies to individual children's differences. In conclusion, while teachers demonstrated strengths in teaching quality, there remains a need for targeted interventions and additional training, particularly in time management and differentiated instruction. The findings highlight the importance of comprehensive support, professional development, and clear guidelines from administrators and policymakers to enable teachers to implement the project approach more holistically and effectively.

Keywords: Project Approach; Preschool Teachers; Private Kindergarten; Teaching Practices

1. Pendahuluan

Pendekatan projek dalam pendidikan awal kanak-kanak semakin mendapat perhatian kerana mampu mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berpusatkan murid, kreatif dan bermakna. Namun begitu, keberkesanan pendekatan ini sangat bergantung pada amalan pengajaran guru yang menjadi pelaksana utama di bilik darjah. Dalam konteks tadika swasta, amalan guru sering dipengaruhi oleh faktor dasar, sumber serta budaya organisasi, menjadikan usaha mengenal pasti amalan pengajaran mereka suatu perkara yang penting untuk memastikan kualiti pendidikan terjamin. Kajian ini membawa kepentingan akademik kerana memperkaya literatur pendidikan awal kanak-kanak dengan menekankan dimensi amalan guru dalam pendekatan projek, di samping memberi implikasi praktikal kepada guru, pentadbir tadika dan juga pembuat dasar. Guru boleh menilai serta menambah baik cara mereka mengurus pengajaran, pentadbir pula dapat merancang latihan profesional yang lebih tersusun, manakala pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menyediakan garis panduan serta sokongan yang lebih sistematik selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan keperluan pembelajaran abad ke-21.

Berlandaskan Model of School Learning oleh Carroll dan Carroll (1993), kajian ini menekankan bahawa keberkesanan pembelajaran dipengaruhi oleh kualiti pengajaran, pengurusan masa serta kebolehan guru menyesuaikan strategi dengan perbezaan individu kanak-kanak. Maka, penilaian terhadap amalan guru dalam aspek-aspek ini penting untuk memahami sejauh mana pendekatan projek dapat dilaksanakan dengan berkesan di tadika swasta. Walaupun terdapat pelbagai kajian berkaitan pendidikan awal kanak-kanak dan pelaksanaan pendekatan projek di peringkat prasekolah (Helm & Katz, 2016; Molina-Torres, 2020; Zhou et al., 2021), penelitian yang memberi fokus khusus kepada amalan pengajaran guru di tadika swasta di Malaysia masih terhad. Hal ini menunjukkan wujud jurang kajian yang perlu diterokai, memandangkan konteks tadika swasta juga berperanan besar dalam menyokong pendidikan awal yang berkualiti.

Walaupun terdapat banyak kajian antarabangsa yang meneliti amalan guru dalam pendekatan projek, kajian yang memberi fokus khusus kepada amalan pengajaran guru di tadika swasta Malaysia masih terhad. Kebanyakan penyelidikan terdahulu lebih menumpukan kepada prasekolah awam atau konteks pendidikan awal kanak-kanak secara umum (Tak, 2019; Eliza et al., 2020). Oleh itu, penyelidikan ini penting untuk mengisi jurang dengan memberi tumpuan kepada konteks tadika swasta yang mempunyai cabaran, keperluan dan budaya organisasi yang berbeza.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan pengajaran guru dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama, iaitu kualiti pengajaran, pengurusan masa dan pengurusan pembelajaran terbeza. Persoalan kajian yang dirumuskan ialah: (a) bagaimanakah kualiti pengajaran guru dalam melaksanakan pendekatan projek di tadika swasta, (b) bagaimanakah pengurusan masa guru dalam pelaksanaan pendekatan projek, dan (c) bagaimanakah guru melaksanakan pengurusan pembelajaran terbeza dalam pendekatan projek. Kajian ini dijalankan dalam konteks guru tadika swasta di Malaysia dengan guru sebagai unit analisis utama. Secara keseluruhan, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran menyeluruh tentang amalan pengajaran guru dalam pendekatan projek, selain membuka ruang kepada penambahbaikan dari sudut teori, praktikal dan dasar pendidikan.

2. Kajian Literatur

Kualiti pengajaran merupakan aspek penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendekatan projek. Guru berperanan bukan sahaja menyampaikan isi pelajaran, tetapi juga merancang pengalaman pembelajaran yang mendorong kanak-kanak meneroka, bertanya dan membina pengetahuan secara aktif. Menurut Helm dan Katz (2016), pendekatan projek memerlukan guru yang mampu menjadi fasilitator pembelajaran, dengan menyediakan persekitaran yang kondusif serta mendorong kanak-kanak terlibat dalam penyiasatan secara mendalam. Kajian oleh Ferrero et al. (2022) pula menekankan bahawa guru yang mengamalkan strategi pengajaran yang fleksibel dan interaktif dapat meningkatkan keterlibatan kanak-kanak dalam aktiviti projek. Di Malaysia, Tak (2019) mendapati bahawa guru prasekolah yang mengamalkan pengajaran berpusatkan murid melalui projek dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna.


Pengurusan masa yang berkesan turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam memastikan pelaksanaan projek dapat berjalan lancar. Molina-Torres (2020) menegaskan bahawa kekangan masa merupakan cabaran utama guru dalam mengintegrasikan pendekatan projek ke dalam kurikulum harian. Guru perlu bijak mengimbangi antara kehendak kurikulum, perancangan aktiviti projek dan keperluan individu murid. Kajian Zhou et al. (2021) di China menunjukkan bahawa guru yang mengurus masa dengan baik dapat mengekalkan kesinambungan aktiviti projek, sekali gus memastikan murid sentiasa terlibat secara aktif sepanjang proses pembelajaran. Hal ini juga disokong oleh Umboh et al. (2019) yang menekankan bahawa keberkesanan projek banyak bergantung kepada cara guru menyusun jadual dan memperuntukkan masa yang mencukupi untuk aktiviti penerokaan.

Salah satu kelebihan pendekatan projek ialah keupayaannya menampung perbezaan individu dalam kalangan kanak-kanak. Pengurusan pembelajaran terbeza oleh guru menjadi elemen penting bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat manfaat secara optimum. Eliza et al. (2020) menunjukkan bahawa guru prasekolah di Malaysia menggunakan pelbagai strategi seperti aktiviti kumpulan kecil, soalan terbuka dan bahan bantu mengajar yang pelbagai untuk

mengurus perbezaan murid semasa pelaksanaan projek. Aisyah dan Novita (2021) turut mendapati bahawa projek memberi ruang fleksibiliti kepada guru dalam menyesuaikan pengajaran mengikut tahap perkembangan murid. Hal ini memperlihatkan bahawa keberkesanan pendekatan projek banyak ditentukan oleh sejauh mana guru dapat melaksanakan pengajaran terbeza dengan berkesan.

Kajian ini disandarkan pada Model of School Learning oleh Carroll dan Carroll (1993) yang menegaskan bahawa pembelajaran murid sangat dipengaruhi oleh kualiti pengajaran, peruntukan masa, dan keupayaan guru menyesuaikan strategi dengan perbezaan individu.

Model ini menjadi asas kepada analisis amalan guru dalam tiga dimensi utama, iaitu kualiti pengajaran, pengurusan masa, dan pengurusan pembelajaran terbeza dalam pendekatan projek.



Rajah 1: Kerangka Konsep Amalan Pengajaran Guru Terhadap Pelaksanaan Pendekatan Projek di Tadika Swasta

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif bertujuan mengumpul data secara sistematik daripada sampel guru prasekolah swasta bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Reka bentuk tinjauan deskriptif ini sesuai digunakan kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat daripada sampel yang besar, seterusnya menganalisis tahap dan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji (Creswell & Creswell, 2018; Walters, 2021).

Responden Kajian

Responden bagi kajian ini terdiri daripada guru tadika swasta di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Putrajaya. Jumlah populasi yang dikenal pasti berdasarkan maklumat daripada Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK), populasi keseluruhan dianggarkan berjumlah lebih 11,150 orang guru (N = 11,150). Walau bagaimanapun, hasil soal selidik yang telah berjaya diperolehi adalah sejumlah 104 orang guru yang berkhidmat di tadika swasta (s = 104). Berdasarkan saiz sampel ditentukan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah bagi memastikan setiap responden mempunyai peluang yang sama untuk terlibat dan mewakili populasi secara adil. Kajian ini dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut kerana wujudnya pelbagai latar belakang institusi prasekolah, sekali gus membolehkan data yang diperolehi lebih menyeluruh dan mewakili konteks sebenar pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak.

Maklumat demografi responden dari ‘Bahagian A: Demografi Responden’ telah direkodkan dan dianalisis berdasarkan jantina, umur, bangsa, tahun berkhidmat, kelulusan dan tempat berkhidmat dan data ditunjukkan dalam kekerapan (f) dan peratusan (%) dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, profil demografi responden berdasarkan jantina direkodkan. Daripada 104 orang guru tadika swasta yang terlibat, 97 orang guru (93.27%) adalah perempuan, manakala guru lelaki adalah seramai 7 orang (6.73%). Seterusnya, dari aspek umur responden yang terlibat, bermula dari umur 18 tahun hingga 51 tahun dan ke atas. Majoriti umur guru tadika yang telah disoal selidik adalah guru yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 49 orang (47.12%), diikuti dengan guru berumur 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 29 orang (27.88%), guru yang berumur 51 tahun dan ke atas seramai 13 orang (12.50%), 21 hingga 30 tahun seramai 8 orang (7.69%) dan akhir sekali guru yang berumur 18 hingga 20 tahun seramai 5 orang (4.81%). Kategori seterusnya adalah bangsa. Dari 104 orang guru tadika swasta yang telah disoal selidik, seramai 98 orang (94.23%) adalah Melayu, Cina seramai 5 orang (4.81%) dan lain-lain iaitu Bumiputera Sabah adalah seorang (0.96%). Guru berbangsa India tidak direkodkan.

Profil demografi guru seterusnya adalah berdasarkan tahun berkhidmat. Guru yang telah mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 15 tahun telah direkodkan dengan jumlah yang terbesar setakat ini iaitu seramai 45 orang (43.27%), diikuti dengan guru yang telah berkhidmat selama lebih 16 tahun iaitu seramai 28 orang (26.92%), guru yang telah berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun pula adalah seramai 17 orang (16.35%) dan akhir sekali guru yang telah berkhidmat 5 tahun dan ke bawah seramai 14 orang (13.46%). Seterusnya, aspek kelulusan guru tadika swasta yang telah disoal selidik. 38 orang guru (36.54%) mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, manakala 18 orang guru (17.31%) mempunyai Ijazah Sarjana Muda Bukan Pendidikan. Guru yang mempunyai Diploma adalah seramai 33 orang (31.73%), guru yang mempunyai SPM seramai 12 orang (11.54%) dan lain-lain adalah seramai 3 orang (2.88%).

Kajian dilakukan di tadika swasta di 11 daerah di tiga negeri utama iaitu di 9 daerah di Selangor dan 2 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seramai 23 orang guru (22.12%) di Hulu Langat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 17 orang (16.35%), 13 orang guru (12.50%) di Gombak, 10 orang guru (9.62%) di Klang, 9 orang guru (8.65%) masing-masing di Sepang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, 7 orang guru (6.73%) di Petaling, 6 orang guru (5.77%) di Hulu Selangor, 5 orang guru (4.81%) di Kuala Selangor, 3 orang guru (2.88%) di Sabak Bernam dan 2 orang guru (1.92%) di Kuala Langat.

Jadual 1: Profil Demografi Responden (n=104)

Bil.	Kategori	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
1.	Jantina:		
	• Lelaki	7	6.73
	• Perempuan	97	93.27
2.	Umur:		
	• 18 hingga 20 tahun	5	4.81
	• 21 hingga 30 tahun	8	7.69
	• 31 hingga 40 tahun	49	47.12
	• 41 hingga 50 tahun	29	27.88
	• 51 tahun ke atas	13	12.5
	• Bangsa:		

3.	• Melayu	98	94.23
	• Cina	5	4.81
	• India	-	-
	• Lain-lain	1	0.96
4.	• Tahun Berkhidmat:		
	• Kurang daripada 5 tahun	14	13.46
	• 6 hingga 10 tahun	17	16.35
	• 11 hingga 15 tahun	45	43.27
5.	• 16 tahun ke atas	28	26.92
	• Kelulusan:		
	• Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	12	11.54
	• Diploma	33	31.73
	• Ijazah Sarjana Muda Bukan Pendidikan	18	17.31
	• Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	38	36.54
6.	• Lain-lain	3	2.88
	• Tempat Berkhidmat:		
	• Gombak	13	12.5
	• Hulu Langat	23	22.12
	• Hulu Selangor	6	5.77
	• Klang	10	9.62
	• Kuala Langat	2	1.92
	• Kuala Selangor	5	4.81
	• Petaling	7	6.73
	• Sabak Bernam	3	2.88
	• Sepang	9	8.65
	• Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	17	16.35
	• Wilayah Persekutuan Putrajaya	9	8.65

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang diadaptasi dari beberapa kajian lepas dan diolah mengikut fokus kajian pengkaji. Soal selidik ini secara keseluruhannya mengandungi 23 item yang diukur menggunakan Skala Likert empat mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Setuju, dan 4 = Sangat Setuju.

Instrumen kajian memainkan peranan penting dalam memastikan data yang dikumpul adalah sah dan boleh dipercayai, seterusnya menjamin ketepatan dapatan kajian. Menurut Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah, dan Chang Peng Kee (2021), penggunaan instrumen yang sah dan boleh dipercayai amat penting bagi memastikan konstruk yang dikaji dapat diukur dengan tepat serta menggambarkan fenomena sebenar. Oleh itu, proses pemilihan dan pengesahan instrumen merupakan aspek penting dalam penyelidikan bagi menjamin kualiti dan ketulenan dapatan.

Instrumen soal selidik dalam kajian ini diadaptasi daripada pengkaji Tamilarasi a/p Karuppanan (2007) yang telah menyesuaikan instrumen asal yang dibangunkan oleh Walker dan Fraser (2005) yang berkaitan dengan kompetensi dan amalan pengajaran guru. Selain itu, elemen pengajaran berinovatif berasaskan kemahiran abad ke-21 turut diadaptasi daripada kerangka Innovative Teaching and Learning (ITL) Research oleh Shear, Norais, Means, Gallagher dan Langworthy (2010). Penyesuaian item dibuat bagi memastikan kesesuaian

dengan konteks pendidikan prasekolah dan pelaksanaan Pendekatan Projek di Malaysia. Instrumen ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:

- Demografi responden – melibatkan jantina, umur, bangsa, tahun berkhidmat, kelulusan akademik, dan lokasi tadika, dan;
- Amalan guru dalam pelaksanaan Pendekatan Projek – mengukur tiga dimensi utama iaitu kualiti pengajaran guru, peruntukan masa untuk projek dalam PdP, dan pengurusan pembelajaran terbeza.

Secara keseluruhan, konstruk amalan pengajaran guru dalam instrumen kajian ini mengandungi 37 item yang telah dibahagikan kepada tiga dimensi yang mengukur tahap kualiti pengajaran guru, peruntukan masa dan pengurusan pembelajaran terbeza. Instrumen kajian menggunakan Skala Likert empat mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Setuju, dan 4 = Sangat Setuju.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Tatacara pengumpulan data merupakan proses yang sistematik dan terancang untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Menurut Sekaran dan Bougie (2016), proses pengumpulan data yang berkesan memerlukan perancangan yang teliti dari aspek pemilihan kaedah, penetapan prosedur dan pelaksanaan yang konsisten untuk memastikan data yang dikumpul adalah berkualiti dan boleh dipercayai.

Dalam kajian ini, proses pengumpulan data telah dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Pengumpulan data dilakukan secara bertahap dan sistematik untuk memastikan kesemua aspek kajian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Proses ini melibatkan beberapa fasa utama yang bermula dari persiapan awal sehinggalah kepada pengumpulan data sebenar. Keseluruhan proses pengumpulan data telah mengambil kira aspek-aspek etika penyelidikan dan memastikan hak-hak responden terlindung sepanjang tempoh kajian dijalankan. Pengkaji juga telah mengambil langkah-langkah berjaga-jaga untuk memastikan kualiti data yang dikumpul melalui prosedur kawalan kualiti yang ketat dan pemantauan berterusan sepanjang tempoh pengumpulan data.

Data yang diperoleh melalui borang soal selidik dianalisis secara kuantitatif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 30.0. Proses penganalisan dilakukan dalam beberapa peringkat yang sistematik bagi menjawab persoalan kajian serta menguji hipotesis yang ditetapkan.

Pertama, analisis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti profil demografi responden seperti jantina, umur, kelayakan akademik, dan pengalaman mengajar. Selain itu, analisis min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan digunakan untuk menilai tahap amalan pengajaran dalam pelaksanaan pendekatan projek.

Kedua, bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, analisis kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) digunakan untuk mengukur tahap konsistensi dalaman item-item dalam soal selidik. Bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian, ujian Alpha Cronbach telah dijalankan menggunakan perisian SPSS Versi 30. Ujian kebolehpercayaan instrumen soal selidik telah dijalankan dengan menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Menurut Nunnally dan Bernstein (1994) dalam Jadual 2, nilai kebolehpercayaan yang melebihi 0.70 dianggap boleh diterima, manakala nilai yang melebihi 0.80 menunjukkan kebolehpercayaan yang baik dan nilai yang melebihi 0.90 dianggap sangat baik.

Jadual 2: Interpretasi Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Nilai Alpha	Interpretasi
≥ 0.90	Sangat Baik (Excellent)
0.80 – 0.89	Baik (Good)
0.70 – 0.79	Boleh Diterima (Acceptable)
0.60 – 0.69	Sederhana (Questionable)
0.50 – 0.59	Lemah (Poor)
< 0.50	Tidak Boleh Diterima (Unacceptable)

Sumber: Nunnally & Bernstein (1994)

Berdasarkan Jadual 3, konstruk amalan pengajaran guru yang terdiri daripada 37 item memperoleh nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.986. Nilai ini berada pada tahap sangat baik, menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah konsisten dan boleh dipercayai.

Jadual 3: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha Bagi Konstruk Amalan Guru

Konstruk	Jumlah Item (n)	Nilai Alpha	Interpretasi
Amalan Pengajaran Guru	37	0.986	Sangat Baik

Kesimpulannya, tatacara penganalisan data ini membolehkan dapatan kajian ditafsir secara tepat, seterusnya memberikan gambaran yang jelas tahap amalan pengajaran guru dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta.

5. Dapatan Kajian

Kajian ini menekankan kepada amalan pengajaran guru dari tiga dimensi utama iaitu kualiti pengajaran, peruntukan masa pengajaran, dan pengurusan pembelajaran terbeza dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta. Kualiti pengajaran merujuk kepada sejauh mana guru mampu merancang dan melaksanakan PdP yang bermakna, berkesan, serta memberi pengalaman pembelajaran aktif kepada kanak-kanak. Peruntukan masa pengajaran pula berkaitan dengan kebolehan guru merancang, membahagikan dan menggunakan masa secara optimum dalam setiap fasa pendekatan projek, iaitu fasa perancangan, pelaksanaan, dan penilaian, supaya aktiviti dapat dijalankan mengikut keperluan perkembangan kanak-kanak. Manakala, pengurusan pembelajaran terbeza merujuk kepada keupayaan guru menguruskan perbezaan individu kanak-kanak, sama ada dari segi tahap kebolehan, gaya pembelajaran, mahupun minat, bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang yang adil untuk belajar dan berkembang.

Jadual 4 menunjukkan profil terperinci bagi tiga dimensi utama amalan pengajaran guru yang dikaji. Daripada tiga dimensi tersebut, kualiti pengajaran mencatatkan pencapaian tertinggi dengan skor min 3.50 (SP = 0.53118), yang berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru prasekolah di tadika swasta mempunyai keupayaan yang baik dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bermakna dan berkesan. Guru-guru didapati mampu menyediakan pengalaman pembelajaran aktif yang sesuai dengan keperluan perkembangan kanak-kanak melalui aktiviti projek yang dirancang.

Sebaliknya, pengurusan masa mencatat skor min 3.4306 (SP = 0.62829), yang berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru menghadapi cabaran dalam merancang, membahagikan dan menggunakan masa secara optimum merentas ketiga-tiga fasa pendekatan projek iaitu fasa perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Tahap sederhana ini

mencerminkan keperluan guru untuk lebih mahir dalam pengurusan waktu bagi memastikan setiap aktiviti dapat dijalankan dengan lebih sistematik dan mengikut keperluan perkembangan kanak-kanak.

Dimensi pengurusan pembelajaran terbeza pula mencatatkan skor min terendah iaitu 3.2768 (SP = 0.67166), yang turut berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menggambarkan bahawa guru masih menghadapi kesukaran dalam menguruskan perbezaan individu kanak-kanak dari segi tahap kebolehan, gaya pembelajaran, dan minat. Nilai sisihan piawai yang agak tinggi (0.67166) juga menunjukkan terdapat variasi yang ketara dalam amalan pengurusan pembelajaran terbeza di kalangan guru, dengan sesetengah guru mungkin lebih berkesan berbanding yang lain dalam aspek ini.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Konstruk: Amalan Pengajaran Guru

Amalan Pengajaran	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Kualiti Pengajaran	3.50	0.53118	Tinggi
Pengurusan Masa	3.4306	0.62829	Sederhana
Pengurusan Pembelajaran Terbeza	3.2768	0.67166	Sederhana
Keseluruhan:	3.3986	0.55531	Sederhana

Dapatan ini memperlihatkan bahawa guru prasekolah di tadika swasta sudah mempunyai asas yang baik dari segi kualiti pengajaran. Namun begitu, mereka masih memerlukan sokongan dan latihan tambahan, terutamanya dalam aspek pengurusan masa serta pengurusan pembelajaran terbeza. Perbezaan tahap antara dimensi-dimensi ini wajar diberi perhatian oleh pihak tadika dan juga pembuat dasar pendidikan awal kanak-kanak, agar pelaksanaan pendekatan projek dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

5.1 Kualiti Pengajaran Guru Dalam Pelaksanaan Pendekatan Projek Di Tadika

Bahagian ini memfokuskan tahap kualiti pengajaran guru dalam perancangan, pelaksanaan pengajaran, penilaian dan refleksi dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika.

Kualiti pengajaran guru merujuk kepada tahap keberkesanan guru dalam merancang, melaksanakan, dan menilai aktiviti projek di tadika. Ia melibatkan kejelasan penyampaian, penggunaan strategi pengajaran yang sesuai, kebolehan menarik minat kanak-kanak, serta keupayaan menggalakkan penglibatan aktif, pemikiran kritis dan kerjasama dalam kalangan kanak-kanak.

Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kualiti pengajaran guru secara keseluruhan adalah tinggi (min = 3.50; SP = 0.53118). Antara tiga sub konstruk yang dinilai, aspek penilaian dan refleksi mencatatkan skor min tertinggi (3.5577; SP = 0.55576), diikuti oleh pelaksanaan pengajaran (3.5288; SP = 0.55032), kedua-duanya berada pada tahap tinggi. Sementara itu, perancangan pengajaran memperoleh skor min yang lebih rendah (3.3918; SP = 0.66351) dan berada pada tahap sederhana.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Sub Konstruk: Kualiti Pengajaran Guru

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
E1	Saya merancang pembelajaran mengikut objektif dengan jelas sebelum memulakan projek bersama kanak-kanak	2 (1.9%)	7 (6.7%)	39 (37.5%)	56 (53.8%)
E2	Saya menyediakan bahan dan sumber yang mencukupi untuk setiap aktiviti projek	4 (3.8%)	13 (12.5%)	38 (36.5%)	49 (47.1%)
E3	Saya merancang aktiviti projek yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak	1 (1.0%)	10 (9.6%)	41 (39.4%)	52 (50.0%)
E4	Saya merancang aktiviti projek secara terperinci kerana ia tidak boleh dilakukan secara spontan	2 (1.9%)	4 (3.8%)	40 (38.5%)	58 (55.8%)
Min: 3.3918		Sisihan Piawai (SP): 0.66351			

Berdasarkan Jadual 6 yang menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) tentang pendapat guru berkenaan dengan perancangan pengajaran guru. Dapatan kajian mendapati bahawa item E1 menunjukkan majoriti guru bersetuju (37.5%) dan sangat bersetuju (53.8%) bahawa mereka merancang pembelajaran mengikut objektif dengan jelas sebelum memulakan projek bersama kanak-kanak. Item E2 pula mendapati 36.5% guru setuju dan 47.1% sangat setuju bahawa mereka menyediakan bahan serta sumber yang mencukupi bagi setiap aktiviti projek. Seterusnya, item E3 menunjukkan bahawa 39.4% guru setuju dan 50.0% sangat setuju bahawa mereka merancang aktiviti projek yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Akhir sekali, item E4 mendapati 38.5% guru setuju dan 55.8% sangat setuju bahawa aktiviti projek perlu dirancang secara terperinci kerana ia tidak boleh dilakukan secara spontan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa guru prasekolah memberikan penekanan yang tinggi terhadap aspek perancangan dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika, dengan skor min keseluruhan 3.3918 (SP = 0.66351), iaitu pada tahap sederhana.

Jadual 6: Perancangan Pengajaran

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
E1	Saya merancang pembelajaran mengikut objektif dengan jelas sebelum memulakan projek bersama kanak-kanak	2 (1.9%)	7 (6.7%)	39 (37.5%)	56 (53.8%)
E2	Saya menyediakan bahan dan sumber yang mencukupi untuk setiap aktiviti projek	4 (3.8%)	13 (12.5%)	38 (36.5%)	49 (47.1%)
E3	Saya merancang aktiviti projek yang sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak	1 (1.0%)	10 (9.6%)	41 (39.4%)	52 (50.0%)
E4	Saya merancang aktiviti projek secara terperinci kerana ia tidak boleh dilakukan secara spontan	2 (1.9%)	4 (3.8%)	40 (38.5%)	58 (55.8%)
Min: 3.3918		Sisihan Piawai (SP): 0.66351			

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Jadual 7 pula menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) guru terhadap pelaksanaan pendekatan projek semasa pengajaran. Item E5 menunjukkan 42.3% guru setuju dan 52.9% sangat setuju bahawa mereka menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dalam projek. Item E6 pula mendapati majoriti guru setuju (36.5%) dan sangat setuju (59.6%) bahawa mereka sentiasa melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam setiap peringkat projek. Item E7 menunjukkan 40.4% guru setuju dan 55.8% sangat setuju bahawa mereka memberikan contoh yang jelas serta mudah difahami kepada kanak-kanak. Item E8 pula mendapati 35.6% guru setuju dan 60.6% sangat setuju bahawa bahasa yang digunakan adalah sesuai dengan tahap

kefahaman kanak-kanak. Seterusnya, item E9 menunjukkan 36.5% guru setuju dan 57.7% sangat setuju bahawa mereka menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut keperluan projek.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menggambarkan bahawa guru prasekolah memberi penekanan yang tinggi terhadap aspek pelaksanaan pengajaran dalam pendekatan projek, dengan skor min 3.5288 (SP = 0.55032), iaitu berada pada tahap tinggi.

Jadual 7: Pelaksanaan Pengajaran

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
E5	Saya menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dalam projek	-	5 (4.8%)	44 (42.3%)	55 (52.9%)
E6	Saya sentiasa melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam setiap peringkat projek	-	4 (3.8%)	38 (36.5%)	62 (59.6%)
E7	Saya memberikan contoh yang jelas dan mudah difahami kepada kanak-kanak	-	4 (3.8%)	42 (40.4%)	58 (55.8%)
E8	Saya menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap kefahaman kanak-kanak	-	4 (3.8%)	37 (35.6%)	63 (60.6%)
E9	Saya menyesuaikan kaedah pengajaran dengan keperluan projek	-	6 (5.8%)	38 (36.5%)	60 (57.7%)
Min: 3.5288		Sisihan Piawai (SP): 0.55032			

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 8 yang menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) tentang pendapat guru berkenaan dengan penilaian dan refleksi, dapatan kajian mendapati bahawa majoriti guru menekankan aspek ini dalam pelaksanaan projek. Sebahagian besar responden setuju dan sangat setuju bahawa mereka menilai kemajuan kanak-kanak sepanjang projek (35.6%; 60.6%), menggunakan pelbagai kaedah penilaian seperti portfolio, pemerhatian dan hasil kerja (35.6%; 60.6%), serta memberikan maklum balas yang membina (34.6%; 61.5%). Selain itu, 33.7% setuju dan 60.6% sangat setuju bahawa mereka melakukan refleksi selepas setiap projek, manakala 38.5% setuju dan 57.7% sangat setuju membuat penilaian formal terhadap pencapaian kanak-kanak. Secara keseluruhan, skor min 3.5577 (SP = 0.55576) menunjukkan tahap penilaian dan refleksi guru prasekolah adalah tinggi, sekali gus membuktikan bahawa guru memberi perhatian terhadap penambahbaikan berterusan serta memastikan pembelajaran kanak-kanak dinilai secara menyeluruh.

Jadual 8: Penilaian dan Refleksi

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
E10	Saya menilai kemajuan kanak-kanak sepanjang pelaksanaan projek	-	4 (3.8%)	37 (35.6%)	63 (60.6%)
E11	Saya menggunakan pelbagai kaedah penilaian dalam projek (portfolio, pemerhatian, hasil kerja)	-	4 (3.8%)	37 (35.6%)	63 (60.6%)
E12	Saya memberikan maklum balas yang membina kepada kanak-kanak	-	4 (3.8%)	36 (34.6%)	64 (61.5%)
E13	Saya melakukan refleksi terhadap keberkesanan pengajaran selepas setiap projek	1 (1.0%)	5 (4.8%)	35 (33.7%)	63 (60.6%)
E14	Saya selalu membuat penilaian formal terhadap pencapaian kanak-kanak dalam projek	-	4 (3.8%)	40 (38.5%)	60 (57.7%)
Min: 3.5577		Sisihan Piawai (SP): 0.55576			

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru prasekolah memberi penekanan yang lebih kuat kepada aspek pelaksanaanserta penilaian dan refleksi berbanding perancangan. Hal ini

menggambarkan bahawa walaupun guru dapat melaksanakan dan menilai pengajaran dengan baik, perancangan pengajaran masih memerlukan penambahbaikan agar pendekatan projek dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dan menyeluruh.

5.2 Pengurusan Masa Pengajaran Dalam Pelaksanaan Pendekatan Projek Di Tadika

Bahagian ini adalah untuk menilai sejauh mana guru merancang dan melaksanakan pengurusan masa semasa mengajar dengan menggunakan pendekatan projek di tadika.

Pengurusan masa pengajaran merujuk kepada keupayaan guru merancang, membahagikan, dan menggunakan masa secara berkesan semasa melaksanakan pendekatan projek di tadika. Ia termasuk memastikan masa yang diperuntukkan bagi setiap fasa projek — perancangan, pelaksanaan, dan penilaian — digunakan dengan optimum agar aktiviti pembelajaran berjalan lancar serta sesuai dengan tempoh perhatian dan keperluan kanak-kanak.

Jadual 9 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi sub konstruk pengurusan masa pengajaran guru prasekolah dalam pelaksanaan pendekatan projek. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perancangan masa berada pada tahap sederhana dengan min 3.4173 dan sisihan piawai 0.66893, manakala pelaksanaan pengurusan masa juga berada pada tahap sederhana dengan min 3.4471 dan sisihan piawai 0.62964. Secara keseluruhan, tahap pengurusan masa pengajaran guru mencatatkan min 3.4306 dan sisihan piawai 0.62829, iaitu pada tahap sederhana.

Jadual 9: Min dan Sisihan Piawai bagi Sub Konstruk: Pengurusan Masa Pengajaran

Pengurusan Masa Pengajaran	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Perancangan Masa	3.4173	0.66893	Sederhana
Pelaksanaan Pengurusan Masa	3.4471	0.62964	Sederhana
Keseluruhan:	3.4306	0.62829	Sederhana

Jadual 10 menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) pendapat guru berkenaan dengan bagaimana guru membahagikan tempoh masa untuk setiap aktiviti dalam pendekatan projek. Item F1: “Saya mengagihkan masa yang sesuai untuk setiap fasa projek (permulaan, pelaksanaan, penutup).” Kebanyakan guru (90.4%) bersetuju bahawa mereka mengagihkan masa dengan baik untuk setiap fasa projek, menunjukkan perancangan masa yang sistematik dan teratur. Item F2: “Saya menetapkan jadual yang fleksibel untuk aktiviti projek.” Hampir semua guru (90.4%) bersetuju bahawa jadual perlu fleksibel, membolehkan mereka menyesuaikan aktiviti mengikut situasi semasa dan keperluan kanak-kanak. Item F3: “Saya memperuntukkan masa yang mencukupi untuk kanak-kanak meneroka dan eksperimen.” Sebahagian besar guru (88.4%) bersetuju memberi ruang masa yang cukup untuk penerokaan, menekankan kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman. Bagi item F4: “Saya merancang masa yang diperlukan untuk setiap aktiviti projek.” Majoriti guru (91.3%) merancang masa setiap aktiviti dengan teliti, memastikan aktiviti projek berjalan mengikut tempoh yang sesuai. Item F5: “Saya menyesuaikan masa mengikut minat dan keperluan kanak-kanak.” Kebanyakan guru (88.4%) bersetuju mereka menyesuaikan masa mengikut minat murid, menandakan kepekaan terhadap keperluan individu dalam pembelajaran.

Ini menunjukkan bahawa tahap perancangan masa guru prasekolah berada pada tahap sederhana dengan min 3.4173 dan sisihan piawai 0.66893. Sebahagian besar guru menyatakan setuju dan sangat setuju bahawa mereka mengagihkan masa dengan sesuai untuk setiap fasa projek, menetapkan jadual yang fleksibel, serta memperuntukkan masa yang mencukupi bagi aktiviti penerokaan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir guru yang kurang

konsisten dalam menyesuaikan masa mengikut minat dan keperluan kanak-kanak. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru sudah berusaha mengurus masa secara berkesan, namun perancangan masa yang lebih adaptif dan responsif terhadap keperluan individu murid masih boleh dipertingkatkan untuk menyokong keberkesanan pelaksanaan pendekatan projek.

Jadual 10: Perancangan Masa

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
F1	Saya mengagihkan masa yang sesuai untuk setiap fasa projek (permulaan, pelaksanaan, penutup)	3 (2.9%)	7 (6.7%)	37 (35.6%)	57 (54.8%)
F2	Saya menetapkan jadual yang fleksibel untuk aktiviti projek	3 (2.9%)	7 (6.7%)	37 (35.6%)	57 (54.8%)
F3	Saya memperuntukkan masa yang mencukupi untuk kanak-kanak meneroka dan eksperimen	2 (1.9%)	10 (9.6%)	36 (34.6%)	56 (53.8%)
F4	Saya merancang masa yang diperlukan untuk setiap aktiviti projek	3 (2.9%)	6 (5.8%)	41 (39.4%)	54 (51.9%)
F5	Saya menyesuaikan masa mengikut minat dan keperluan kanak-kanak	2 (1.9%)	10 (9.6%)	38 (36.5%)	54 (51.9%)
Min: 3.4173		Sisihan Piawai (SP): 0.66893			

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Jadual 11 menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) pendapat guru berkenaan dengan bagaimana guru melaksanakan pengurusan masa sepanjang pelaksanaan projek. Item F6: “Saya memantau penggunaan masa sepanjang pelaksanaan projek.” Majoriti guru (95.1%) bersetuju bahawa mereka sentiasa memantau masa agar projek berjalan lancar dan menepati tempoh. Item F7: “Saya memberikan masa yang mencukupi kepada kanak-kanak untuk menyiapkan projek.” Hampir semua guru (92.3%) bersetuju bahawa mereka memperuntukkan masa yang cukup supaya kanak-kanak dapat menyiapkan projek dengan baik. Item F8: “Saya menyediakan aktiviti tambahan sekiranya projek selesai lebih awal.” Sebahagian besar guru (86.5%) menyatakan bersetuju, menunjukkan kepekaan guru dalam memastikan masa pengajaran digunakan sepenuhnya tanpa pembaziran. Item F9: “Saya menggunakan transisi yang lancar antara aktiviti dalam projek.” Majoriti guru (92.3%) bersetuju bahawa mereka memastikan peralihan aktiviti dilakukan dengan teratur, sekali gus mengelakkan gangguan dalam pembelajaran.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pengurusan masa guru prasekolah berada pada tahap sederhana dengan min 3.4471 dan sisihan piawai 0.62964. Secara keseluruhannya, guru berusaha memastikan masa dimanfaatkan dengan sebaiknya melalui pemantauan yang konsisten, pemberian masa mencukupi, serta penyediaan aktiviti tambahan. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir guru yang kurang konsisten dalam menyediakan aktiviti susulan dan mengurus transisi aktiviti, menunjukkan bahawa aspek ini boleh diperkukuhkan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pendekatan projek.

Jadual 11: Pelaksanaan Pengurusan Masa

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
F6	Saya memantau penggunaan masa sepanjang pelaksanaan projek	-	5 (4.8%)	43 (41.3%)	56 (53.8%)
F7	Saya memberikan masa yang mencukupi kepada kanak-kanak untuk menyiapkan projek	-	8 (7.7%)	39 (37.5%)	57 (54.8%)
F8	Saya menyediakan aktiviti tambahan sekiranya projek selesai	2	12	34	56

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Ini menunjukkan bahawa guru prasekolah telah berusaha merancang serta melaksanakan masa dengan teratur dalam setiap fasa projek, namun masih terdapat ruang penambahbaikan terutama dalam memastikan masa yang diperuntukkan benar-benar optimum, fleksibel, serta responsif terhadap keperluan kanak-kanak dan aktiviti projek.

5.3 Pengurusan Pembelajaran Terbeza Dalam Pelaksanaan Pendekatan Projek Di Tadika

Bahagian ini adalah untuk menilai bagaimana guru menguruskan perbezaan individu kanak-kanak dalam memahami pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta.

Pengurusan pembelajaran terbeza dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta merujuk kepada usaha guru menyesuaikan aktiviti projek mengikut tahap perkembangan, minat, gaya pembelajaran dan keperluan individu kanak-kanak. Guru memberi ruang kepada kanak-kanak memilih peranan, menggunakan bahan yang pelbagai, serta menyokong mereka mengikut keupayaan masing-masing supaya semua kanak-kanak dapat terlibat secara aktif dan mencapai hasil pembelajaran secara optimum.

Jadual 12 memperlihatkan min dan sisihan piawai bagi sub konstruk Pengurusan Pembelajaran Terbeza. Dapatan menunjukkan ketiga-tiga dimensi iaitu Mengenal Pasti Perbezaan Individu (Min = 3.2962, SP = 0.65655), Pengurusan Kandungan Pembelajaran Terbeza (Min= 3.2808, SP = 0.68295) dan Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran (Min = 3.2476, SP = 0.73032) berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan, tahap pengurusan pembelajaran terbeza guru prasekolah juga didapati sederhana (Min = 3.2768, SP = 0.67166).

Jadual 12: Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Sub Konstruk: Pengurusan Pembelajaran Terbeza

Pengurusan Pembelajaran Terbeza	Min	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Mengenal Pasti Perbezaan Individu	3.2962	0.65655	Sederhana
Pengurusan Kandungan Pembelajaran Terbeza	3.2808	0.68295	Sederhana
Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran	3.2476	0.73032	Sederhana
Keseluruhan:	3.2768	0.67166	Sederhana

Jadual 13 menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) pendapat guru berkenaan dengan pengurusan masa pengajaran guru. Item G1 mendapati hampir separuh guru (46.2%) bersetuju dan 43.3% sangat bersetuju bahawa mereka boleh mengenal pasti gaya pembelajaran berbeza dalam kalangan kanak-kanak di kelas. Seterusnya, item G2 menunjukkan bahawa majoriti guru (48.1% setuju; 43.3% sangat setuju) memahami tahap keupayaan kognitif setiap kanak-kanak melalui pemerhatian berterusan. Selain itu, item G3 menunjukkan bahawa sebahagian besar guru (45.2% setuju; 42.3% sangat setuju) menggunakan pelbagai kaedah untuk mengenal pasti minat dan bakat kanak-kanak. Hal ini turut disokong oleh item G4 yang mendapati hampir separuh guru (47.1% setuju; 40.4% sangat setuju) berupaya mengenal pasti keperluan pembelajaran khas bagi murid yang memerlukan sokongan tambahan. Bagi item G5, sebahagian besar guru (43.3% setuju; 42.3% sangat setuju) menyatakan mereka mengkategorikan kanak-kanak mengikut profil pembelajaran (visual, auditori, kinestetik).

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap keupayaan yang sederhana (Min=3.2962, SP=0.65655) dalam mengenal pasti perbezaan individu murid, di mana mereka lebih banyak memberi tumpuan kepada gaya pembelajaran, tahap kognitif, serta minat dan bakat murid, namun masih terdapat segelintir guru yang kurang konsisten dalam mengenal pasti keperluan khas dan mengkategorikan profil pembelajaran.

Jadual 13: Mengenal Pasti Perbezaan Individu

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
G1	Saya boleh mengenal pasti gaya pembelajaran yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak di kelas saya	-	11 (10.6%)	48 (46.2%)	45 (43.3%)
G2	Saya memahami tahap keupayaan kognitif setiap kanak-kanak melalui pemerhatian berterusan	1 (1.0%)	8 (7.7%)	50 (48.1%)	45 (43.3%)
G3	Saya menggunakan pelbagai kaedah untuk mengenal pasti minat dan bakat kanak-kanak	-	13 (12.5%)	47 (45.2%)	44 (42.3%)
G4	Saya mengenal pasti keperluan pembelajaran khas bagi kanak-kanak yang memerlukan sokongan tambahan	1 (1.0%)	12 (11.5%)	49 (47.1%)	42 (40.4%)
G5	Saya mengkategorikan kanak-kanak mengikut profil pembelajaran mereka (visual, auditori, kinestetik)	3 (2.9%)	12 (11.5%)	45 (43.3%)	44 (42.3%)
Min: 3.2962		Sisihan Piawai (SP): 0.65655			

$n=104$ (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Jadual 14 menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) pendapat guru berkenaan dengan pengurusan kandungan pembelajaran terbeza. Item G6 mendapati bahawa majoriti guru (44.2% setuju; 42.3% sangat setuju) menyediakan kandungan pembelajaran yang disesuaikan dengan tahap keupayaan kanak-kanak. Seterusnya, item G7 menunjukkan hampir keseluruhan guru (48.1% setuju; 41.3% sangat setuju) menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza. Selain itu, item G8 menunjukkan kebanyakan guru (43.3% setuju; 42.3% sangat setuju) menyesuaikan kompleksiti kandungan pembelajaran mengikut keupayaan individu murid. Hal ini disokong oleh item G9, di mana 47.1% guru bersetuju dan 40.4% sangat bersetuju bahawa mereka menyediakan aktiviti pengayaan untuk murid yang cepat menguasai pembelajaran. Begitu juga dengan item G10, sebahagian besar guru (45.2% setuju; 42.3% sangat setuju) menyatakan mereka menyediakan sokongan tambahan kepada murid yang memerlukan bantuan.

Secara keseluruhan, tahap pengurusan kandungan pembelajaran terbeza berada pada tahap sederhana (Min=3.2808, SP=0.68295). Dapatan ini menunjukkan guru telah berusaha menyesuaikan kandungan mengikut keupayaan, minat dan keperluan murid, termasuk menyediakan aktiviti pengayaan dan sokongan tambahan. Namun begitu, masih terdapat segelintir guru yang kurang konsisten dalam melaksanakan penyesuaian kandungan secara menyeluruh bagi menyokong semua tahap perkembangan murid.

Jadual 14: Pengurusan Kandungan Pembelajaran Terbeza

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
G6	Saya menyediakan kandungan pembelajaran yang disesuaikan dengan tahap keupayaan kanak-kanak	1 (1.0%)	13 (12.5%)	46 (44.2%)	44 (42.3%)
G7	Saya menggunakan pelbagai sumber bahan pembelajaran untuk memenuhi keperluan yang berbeza	1 (1.0%)	10 (9.6%)	50 (48.1%)	43 (41.3%)
G8	Saya menyesuaikan kompleksiti kandungan pembelajaran mengikut keupayaan setiap kanak-kanak	1 (1.0%)	14 (13.5%)	45 (43.3%)	44 (42.3%)
G9	Saya menyediakan aktiviti pengayaan untuk kanak-kanak yang cepat menguasai kandungan pembelajaran	1 (1.0%)	12 (11.5%)	49 (47.1%)	42 (40.4%)
G10	Saya menyediakan sokongan tambahan dalam kandungan pembelajaran untuk kanak-kanak yang memerlukan bantuan	1 (1.0%)	12 (11.5%)	47 (45.2%)	44 (42.3%)
Min: 3.2808		Sisihan Piawai (SP): 0.68295			

$n=104$ (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Manakala Jadual 15 menunjukkan kekerapan (f) dan peratusan (%) pendapat guru berkenaan dengan pengurusan pembelajaran dan pengajaran. Item G11 mendapati bahawa sebahagian

besar guru (43.3% setuju; 41.3% sangat setuju) menggunakan pelbagai strategi pengajaran dalam satu sesi bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang berbeza dalam kalangan murid. Seterusnya, item G12 menunjukkan bahawa majoriti guru (42.3% setuju; 41.3% sangat setuju) menyediakan pilihan aktiviti yang memberi peluang kepada murid memilih mengikut kesesuaian mereka. Item G13 mendapati kebanyakan guru (42.3% setuju; 43.3% sangat setuju) mengamalkan pengelompokan fleksibel sama ada secara individu, berpasangan atau kumpulan kecil dalam PdP. Manakala item G14 menunjukkan hampir keseluruhan guru (42.3% setuju; 42.3% sangat setuju) menyesuaikan kadar penyampaian pengajaran mengikut kecepatan pembelajaran setiap murid.

Secara keseluruhan, tahap pengurusan pembelajaran dan pengajaran guru prasekolah berada pada tahap sederhana (Min = 3.2476, SP = 0.73032). Dapatan ini menunjukkan guru telah berusaha melaksanakan strategi pengajaran yang pelbagai, fleksibel dan menyesuaikan pengajaran dengan keperluan murid. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian kecil guru yang kurang konsisten dalam menyediakan kepelbagaian aktiviti dan kadar penyampaian, menandakan perlunya sokongan dan latihan tambahan bagi memperkukuhkan amalan ini.

Jadual 15: Pengurusan Pembelajaran dan Pengajaran

Kod	Konstruk	STS	TS	S	SS
G11	Saya menggunakan pelbagai strategi pengajaran dalam satu sesi pembelajaran untuk memenuhi keperluan berbeza	1 (1.0%)	15 (14.4%)	45 (43.3%)	43 (41.3%)
G12	Saya menyediakan pilihan aktiviti pembelajaran yang membolehkan kanak-kanak memilih mengikut kesesuaian mereka	3 (2.9%)	14 (13.5%)	44 (42.3%)	43 (41.3%)
G13	Saya menggunakan pengelompokan fleksibel (individu, berpasangan, kumpulan kecil) dalam proses pembelajaran	2 (1.9%)	13 (12.5%)	44 (42.3%)	45 (43.3%)
G14	Saya menyesuaikan kadar penyampaian pengajaran mengikut kecepatan pembelajaran setiap kanak-kanak	2 (1.9%)	14 (13.5%)	44 (42.3%)	44 (42.3%)
Min: 3.2476		Sisihan Piawai (SP): 0.73032			

n=104 (STS: Sangat Tidak Setuju; TS: Tidak Setuju; S: Setuju; SS: Sangat Setuju)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru prasekolah mempunyai kesedaran untuk melaksanakan pengajaran yang berbeza mengikut tahap keupayaan murid, namun pelaksanaannya masih belum optimum. Guru dilihat berusaha menyesuaikan kandungan, strategi serta kadar penyampaian pembelajaran, tetapi amalan ini masih perlu diperkukuhkan melalui latihan berterusan, sokongan kurikulum dan kemahiran pedagogi agar pengurusan pembelajaran terbeza dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan konsisten.

Secara keseluruhan, kajian ini menjawab persoalan utama dengan menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta berada pada tahap sederhana, dengan kekuatan pada aspek kualiti pengajaran, tetapi kelemahan pada pengurusan masa dan pengurusan pembelajaran terbeza.

6. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru prasekolah di tadika swasta berada pada tahap sederhana secara keseluruhan (min = 3.3986). Menariknya, kualiti pengajaran berada pada tahap tinggi, manakala aspek pengurusan masa dan pembelajaran terbeza masih sederhana. Perbezaan antara ketiga-tiga dimensi ini wajar diberi perhatian kerana ia memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pelaksanaan pendekatan projek dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Pencapaian tinggi dalam kualiti pengajaran (min = 3.50) adalah petanda positif. Ia selari dengan dapatan Helm dan Katz (2016) yang menekankan bahawa kejayaan pendekatan projek bergantung pada keupayaan guru merancang aktiviti yang bermakna serta menyediakan pengalaman pembelajaran yang aktif. Hal ini turut bertepatan dengan penekanan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mengangkat inkuiri dan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Namun, dapatan ini perlu dilihat secara kritis. Edwards, Gandini dan Forman (2012) berpendapat bahawa kualiti pengajaran bukan sekadar bergantung kepada perancangan, tetapi juga pada refleksi berterusan serta keanjalan guru menyesuaikan aktiviti mengikut minat kanak-kanak. Nilai sisihan piawai sederhana (SP = 0.53118) menunjukkan adanya konsistensi dalam amalan guru, tetapi juga mungkin menggambarkan penggunaan pendekatan yang agak seragam tanpa penyesuaian mengikut konteks kelas. Copple dan Bredekamp (2009) mengingatkan bahawa amalan sesuai perkembangan (DAP) menuntut guru menyesuaikan pengajaran bukan hanya dengan perkembangan umum kanak-kanak, tetapi juga dengan keperluan individu.

Aspek pengurusan masa berada pada tahap sederhana (min = 3.4306), menunjukkan realiti cabaran guru prasekolah dalam menyeimbangkan antara kehendak kurikulum dengan fleksibiliti pembelajaran projek. Kajian Beneke dan Ostrosky (2015) turut mengenal pasti masa sebagai cabaran utama, kerana pendekatan projek biasanya memerlukan tempoh yang panjang untuk melalui fasa perancangan, pelaksanaan, dan penilaian (Katz & Chard, 2000).

Nilai sisihan piawai yang lebih tinggi (SP = 0.62829) berbanding dimensi kualiti pengajaran menunjukkan adanya perbezaan ketara dalam kecekapan guru mengurus masa. Ada guru yang lebih teratur, ada yang bergelut. Hal ini tidak dapat dipisahkan daripada konteks sistem pendidikan prasekolah Malaysia, di mana guru sering terbeban dengan tugas pentadbiran yang mengurangkan masa untuk merancang projek (Noresah Baharom & Zurida Ismail, 2018). Seperti yang dinyatakan Stacey (2009), pendekatan projek bukanlah aktiviti tambahan, tetapi satu kaedah pengajaran penuh yang memerlukan penstrukturan semula jadual dan masa pengajaran.

Dimensi pengurusan pembelajaran terbeza mencatatkan skor min paling rendah (3.2768), dengan sisihan piawai tertinggi (SP = 0.67166). Ini menunjukkan cabaran nyata dalam keupayaan guru menguruskan perbezaan individu kanak-kanak di kelas. Ia bercanggah dengan falsafah Reggio Emilia yang menekankan kepelbagaian sebagai kekuatan (Malaguzzi, 1998).

Tomlinson (2014) menegaskan bahawa pembelajaran terbeza penting bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang adil untuk berkembang. Namun, realitinya, ramai guru prasekolah masih kurang pendedahan tentang strategi ini (Wan Nur Farhana & Sharifah Nor Puteh, 2020). Dari perspektif teori, Vygotsky (1978) melalui konsep Zon Perkembangan Proksimal menjelaskan bahawa guru perlu menyediakan scaffolding yang berbeza mengikut tahap perkembangan kanak-kanak. Hal ini selaras dengan teori Kecerdasan Pelbagai Gardner (1983) yang menekankan bahawa kanak-kanak belajar dengan cara berbeza.

Jurang 0.2232 antara kualiti pengajaran dan pembelajaran terbeza memberi isyarat penting. Pianta dan Hamre (2009) menjelaskan bahawa keberkesanan pengajaran hanya tercapai apabila sokongan emosi, pengurusan kelas, dan sokongan pembelajaran digabungkan secara seimbang. Guru boleh merancang aktiviti yang baik, tetapi tanpa pengurusan masa dan strategi

pembelajaran terbeza yang berkesan, aktiviti itu mungkin tidak berjalan sepenuhnya atau hanya relevan kepada sebahagian kecil kanak-kanak (Katz, 2010).

7. Kesimpulan

Kajian ini telah memberikan sumbangan penting dalam memahami amalan pengajaran guru prasekolah dalam pelaksanaan pendekatan projek di tadika swasta Malaysia. Dapatan utama menunjukkan bahawa walaupun guru mempunyai kekuatan dalam aspek kualiti pengajaran dengan pencapaian pada tahap tinggi, namun terdapat kelemahan yang ketara dalam pengurusan masa dan terutamanya dalam pengurusan pembelajaran terbeza yang kedua-duanya berada pada tahap sederhana. Kualiti pengajaran yang tinggi mencerminkan bahawa guru prasekolah di tadika swasta mempunyai asas yang kukuh dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang bermakna. Ini adalah satu pencapaian yang perlu dipuji dan menunjukkan bahawa guru telah memahami prinsip asas pendekatan projek. Namun begitu, pencapaian dalam satu dimensi sahaja tidak mencukupi untuk memastikan keberkesanan keseluruhan pelaksanaan pendekatan projek yang memerlukan integrasi antara kualiti pengajaran, pengurusan masa yang efisien, dan kepekaan terhadap keperluan individu setiap kanak-kanak. Kesimpulannya, walaupun terdapat cabaran yang perlu ditangani, dapatan kajian ini juga membawa mesej yang optimistik. Tahap kualiti pengajaran yang tinggi menunjukkan bahawa guru prasekolah di Malaysia mempunyai potensi untuk cemerlang dalam pelaksanaan pendekatan projek. Apa yang diperlukan adalah sokongan yang lebih berfokus dan berterusan untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran dalam aspek-aspek yang masih lemah. Dengan komitmen daripada semua pihak berkepentingan dan usaha bersepadu untuk menangani jurang yang telah dikenal pasti, adalah mungkin untuk meningkatkan kualiti pelaksanaan pendekatan projek dan seterusnya memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan kepada kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Diharapkan kajian ini dapat menjadi dorongan kepada perubahan positif dalam amalan pendidikan prasekolah di Malaysia serta membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang dapat memperkukuh dan memperluas pemahaman tentang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak terutama guru-guru yang menjadi responden, yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Aisyah, S., & Novita, D. (2025). Teachers' perception of the implementation of project-based learning in early childhood education in Indonesia. *Cogent Education*, 12(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2025.2458663>
- Beneke, S., & Ostrosky, M. M. (2015). Teachers' views of the project approach in inclusive early childhood classrooms. *Early Childhood Research & Practice*, 17(1), 1–17.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Carroll, J. B., & Carroll, C. (1993). *Model of school learning*. McGraw-Hill.

- Copple, C., & Bredekamp, S. (2009). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs* (3rd ed.). National Association for the Education of Young Children.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Curtis, D., & Carter, M. (2015). *Designs for living and learning: Transforming early childhood environments*. Redleaf Press.
- Darling-Hammond, L. (2017). Teacher education around the world: What can we learn from international practice?. *European Journal of Teacher Education*, 40(3), 291–309. <https://doi.org/10.1080/02619768.2017.1315399>
- Edwards, C., Gandini, L., & Forman, G. (2012). *The hundred languages of children: The Reggio Emilia experience in transformation* (3rd ed.). Praeger.
- Eliza, M., Zulkefli, M., & Rahman, N. A. (2020). Differentiated instruction practices among preschool teachers in Malaysia. *Journal of Early Childhood Education*, 18(2), 45–59.
- Epstein, A. S. (2007). *The intentional teacher: Choosing the best strategies for young children's learning*. National Association for the Education of Young Children.
- Ferrero, M., Vadillo, M. A., & León, S. P. (2021). Is project-based learning effective among kindergarten and elementary students? A systematic review. *PLOS ONE*, 16(4), e0249627. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0249627>
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. Basic Books.
- Helm, J. H., & Katz, L. G. (2016). *Young investigators: The project approach in the early years* (3rd ed.). Teachers College Press.
- Katz, L. G. (2010). *Engaging children's minds: The project approach*. Ablex.
- Katz, L. G., & Chard, S. C. (2000). *Engaging children's minds: The project approach* (2nd ed.). Ablex.
- Malaguzzi, L. (1998). History, ideas, and basic philosophy: An interview with Lella Gandini. In C. Edwards, L. Gandini, & G. Forman (Eds.), *The hundred languages of children: The Reggio Emilia approach—Advanced reflections* (pp. 49–98). Ablex.
- Molina-Torres, M. (2020). Time management challenges in implementing project-based learning in early childhood classrooms. *International Journal of Early Childhood Education*, 26(2), 112–124.
- New, R. S. (2007). Reggio Emilia as cultural activity theory in practice. *Theory into Practice*, 46(1), 5–13.
- Noresah Baharom, & Zurida Ismail. (2018). Beban tugas guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pengajaran bersepadu. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 7(1), 15–27.
- Nur Aisyah, E., Utamimah, S., & Baharun, H. (2025). Implementing Project-Based Learning with Loose Parts in Early Childhood Education: A Qualitative Descriptive Study. *Golden Age: Jurnal Ilmiah Tumbuh Kembang Anak Usia Dini*, 10(1), 71–84. <https://doi.org/10.14421/jga.2025.101-06>
- Pianta, R. C., & Hamre, B. K. (2009). Conceptualization, measurement, and improvement of classroom processes: Standardized observation can leverage capacity. *Educational Researcher*, 38(2), 109–119.
- Schweinhart, L. J., Montie, J., Xiang, Z., Barnett, W. S., Belfield, C. R., & Nores, M. (2005). *Lifetime effects: The HighScope Perry Preschool study through age 40*. HighScope Press.
- Shear, L., Norais, M., Means, B., Gallagher, L., & Langworthy, M. (2010). *ITL Research: Innovative Teaching and Learning Research*. Microsoft Partners in Learning.
- Stacey, S. (2009). *Emergent curriculum in early childhood settings: From theory to practice*. Redleaf Press.

- Tak, L. C. (2019). Implementation of project approach in Malaysian preschools: Opportunities and challenges. *Asia-Pacific Journal of Research in Early Childhood Education*, 13(3), 85–104.
- Tamilarasi a/p Karuppanan. (2007). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan persekitaran pembelajaran pelajar. Universiti Putra Malaysia.
- Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners* (2nd ed.). ASCD.
- Umboh, R., Suryana, D., & Mulyana, A. (2019). Time allocation and continuity in project-based learning in early childhood classrooms. *Journal of Early Childhood Research*, 17(4), 298–310.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Walker, S. L., & Fraser, B. J. (2005). Development and validation of an instrument for assessing distance education learning environments in higher education: The Distance Education Learning Environments Survey (DELES). *Learning Environments Research*, 8(3), 289–308.
- Walters, C. (2021). *Educational research methods*. Routledge.
- Wan Nur Farhana, W. A., & Sharifah Nor Puteh, S. (2020). Challenges of differentiated instruction in Malaysian preschools. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 45–62.
- Wenger, E. (1998). *Communities of practice: Learning, meaning, and identity*. Cambridge University Press.
- Zhou, X., Li, H., & Wong, J. M. S. (2021). Sustaining children’s engagement in project-based learning: The role of time management. *Early Years*, 41(2), 214–228.